

# Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKBAR ANDA

KHAMIS, 11 FEBRUARI, 1982

## MENCONTOHI JEPUN UNTUK KEMAJUAN

### RENCANA PENGARANG

SESUAI dengan dasar baru negara mengalih perhatian ke Timur sebagai sumber ilmu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kelmarin menyeru Jepun supaya membuka peluang yang luas kepada pelajar-pelajar negara ini menuntut di sana. Inilah caranya Jepun dapat membantu Malaysia berkembang sama sepertinya dari segi perindustrian, sikap bekerja dan nilai-nilai etikanya.

Peralihan perhatian ini bukanlah dibuat semata-mata atas nama perubahan. Kita telah banyak menerima faedah dari dasar lama bergantung kepada Barat. Tidak siapa yang dapat menafikan hakikat ini. Jadi bila kita kini mengalih pandangan ke Timur, khususnya ke Jepun, ia bukanlah suatu bantahan terhadap Barat.

Tetapi, seperti dijelaskan oleh Dr. Mahathir, Jepun kini lebih sesuai dijadikan model pembangunan oleh Malaysia. Kemajuannya yang cemerlang selepas Perang Dunia Kedua

telah dikagumi oleh negara-negara Barat sendiri. Namun, walaupun ia telah begitu maju, Jepun masih terus membangun dengan gigihnya sementara negara-negara Barat telah pun kehilangan semangat untuk bekerja.

Adalah jelas sikap bekerja dan nilai-nilai pegangannya itulah yang merangsang kemajuan ekonomi Jepun yang menakjubkan itu, dan inilah yang ingin kita pelajari. Sebaliknya jika kita terus bergantung ke Barat, kita hanya akan mewarisi kelemahan semangat pekerja-pekerjanya tanpa menikmati hasil zaman cemerlang yang telah mereka lalui.

Namun apakah harapan kita ini akan berhasil banyak bergantung kepada sambutan dan kerjasama Jepun sendiri. Selama ini pandangan negara membangun terhadap Jepun tidaklah begitu baik. Sikap ahli-ahli perniagaannya di negara-negara membangun menyebabkan mereka digelar *The Ugly Japanese*. Sehingga akhir-akhir ini ia dikatakan

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

tidak begitu berminat memindahkan teknologi dan rahsia kejayaannya kepada rakyat tempatan. Syarikat-syarikatnya dituduh cuma berminat mengeksploit tenaga buruh murah di negara-negara membangun saja.

Bagaimanapun perubahan sudah mulai berlaku. Buat pertama kalinya di Asia, Jepun membuat persetujuan kerjasama tiga tahun dengan Singapura Januari lalu untuk suatu program latihan perusahaan. Kelmarin Perdana Menteri Jepun, Zenko Suzuki, menyenangi ahli-ahli perniagaannya di sini mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama dengan Malaysia sebagai tambahan yang perlu bagi hubungan erat antara Kerajaan kedua negara. Menteri Luarnya, Yoshio Sakurachi, pula memberi jaminan bahawa Jepun akan mencuba sedayanya memenuhi hasrat Malaysia menghantar pelajarnya ke negara itu. Inilah yang mencerahkan harapan kita sekarang.